



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (41)

Tarikh: 5 Julai 2024

BIL :

'INSPIRASI KETERANGKUMAN' TEMA SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT DAERAH PETALING TAHUN 2024

Kelab wanita IRIS Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Daerah Petaling menganjurkan Majlis Sambutan Hari Wanita 2024 di Dewan Banquet MBPJ untuk meraikan kejayaan dan pencapaian kaum wanita dalam pelbagai bidang.

Tema 'Inspirasi Keterangkuman' dipilih selaras dengan tema Sambutan Hari Wanita Kebangsaan Tahun 2024 iaitu "Wanita Di Julang, Negara Gemilang" yang memberi penekanan akan pentingnya usaha memartabatkan wanita bagi mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender di semua peringkat.

Ini adalah bertepatan dengan usaha Majlis untuk memberdaya wanita berdasarkan kepada Pelan Tindakan Pemberdayaan Wanita Petaling Jaya 2030 yang telah digariskan merangkumi 5 tonggak utama iaitu ekonomi, prasarana, hak di dalam membuat keputusan, pendidikan dan kesihatan.

Agenda memperkasa wanita merupakan tanggungjawab bersama semua pihak. Oleh itu, Majlis telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membantu membangun, memperkasa, mengiktiraf kebolehan dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara.

Antara inisiatif utama pemerdayaan wanita MBPJ adalah dengan penganjuran program Kelas Mengaji & Tadabur Al-Quran Wanita IRIS, Majlis Khatam Tadarus Al-Quran IRIS MBPJ Istimewa Ramadhan, Sesi Bual Bicara Aspirasi Bersama Ikon dan Personaliti Wanita, Peraduan 'Wanita Inspirasi' IRIS MBPJ dan Program Kesihatan Wanita IRIS.

Program Pemerdayaan Usahawan Wanita turut dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan peranan kumpulan sasarannya khusus kepada para wanita MBPJ agar dapat bergerak seiring dengan pembangunan negara. Antara tumpuan yang diberikan adalah untuk meningkatkan kemahiran, pendidikan, kepimpinan, peningkatan sahsiah diri dan penjanaaan pendapatan serta memastikan golongan wanita sentiasa berada di landasan perkembangan teknologi terkini.

Majlis Sambutan Hari Wanita 2024 yang dirasmikan oleh YBhg. Datin Setia Hajah Padiah binti Safian, Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor menghimpunkan hampir 500 orang yang terdiri daripada warga kerja MBPJ, warga komuniti dan Ahli-ahli Majlis MBPJ.



Majlis turut memberikan penghormatan kepada Allahyarhamah Puan Ermeemarianna binti Saadon, Mantan Ahli Majlis MBPJ merangkap Pengerusi Hal Ehwal Wanita (HEWA) MBPJ yang telah meninggal dunia pada awal Februari lalu melalui tayangan video *tribute*.

Untuk sambutan pada tahun ini, Mejar Nittakon a/p Chamrat, Juruterbang Wanita Orang Kenamaan (VVIP) Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) dijemput sebagai tetamu jemputan dalam Program Bual Bicara Ikon Wanita.

Selain itu, seramai 10 orang wanita menerima Anugerah Ikon Wanita Aspirasi PUSPANITA-IRIS 2024 dan 9 orang penerima Anugerah Ikon Inspirasi Wanita PUSPANITA Daerah Petaling Jaya 2024 bagi menghargai sumbangan dan bakti mereka.

Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, Timbalan Pengerusi PUSPANITA Daerah Petaling telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon Istimewa Aspirasi Wanita 2024.

Selain menghargai peranan yang dimainkan oleh wanita dalam pembangunan Bandaraya Petaling Jaya, objektif penganjuran majlis ini adalah untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan kepada wanita dan masyarakat umum berkaitan peluang penyertaan dalam pelbagai bidang pembelajaran, isu sejangkit dan cabaran semasa khususnya berkaitan wanita.

Program pameran dan ceramah kesihatan wanita bersama YBrs. Dr. Siti Rohana binti Saad, Pengerusi PUSPANITA-IRIS MBPJ juga menjadi pengisian dalam Majlis Sambutan Hari Wanita pada tahun 2024. Program ini turut mengajak peserta untuk menyertai senamrobik "Wanita Aktif Wanita Cergas" yang diketuai oleh Puan Nalina Nair a/p Rama Krishnan, Ahli Majlis Zon 19 MBPJ.

Diharapkan dengan penganjuran program seumpama ini dapat mengeratkan ukhuwah di antara PUSPANITA-IRIS dan wanita-wanita di sekitar Petaling Jaya dan juga kerjasama rakan strategik.

Penganjuran program ini sedikit sebanyak dapat memperkenalkan PUSPANITA IRIS-HEWA MBPJ dan fungsinya kepada wanita di Petaling Jaya melalui aktiviti pameran yang diadakan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

Ruj. Kami: **MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (42)**

Tarikh: **7 Julai 2024**

BIL :

KEJOHANAN TENPIN BOLING 13 PENJURU ERAT KERJASAMA MBPJ DENGAN PELBAGAI AGENSI

Sebanyak 26 pasukan dari pelbagai agensi kerajaan negeri dan swasta di Selangor telah menyertai Kejohanan Tenpin Boling 13 Penjuru Bersama Datuk Bandar Petaling Jaya yang berlangsung di Alam Lane, Aeon Mall Shah Alam pada semalam.

Kejohanan kali pertama ini telah disertai seramai 104 pemain mewakili agensi kerajaan negeri seperti Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor yang diketuai oleh Ketua Polis Selangor, Komisioner Polis (CP) Datuk Hussein Omar Khan, Orang Besar Daerah Petaling, Y.A.D. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) dan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling.

Turut serta ialah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS), Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen Negeri Selangor.

Kejohanan ini juga menampilkan penyertaan dari MK Land Holdings Berhad, Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd. Wakil dari pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemain veteran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) turut mengambil bahagian.

Johan bagi kategori berpasukan menjadi milik pasukan MBPJ A yang diketuai oleh YBrs. Tn. Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya dengan jatuhan pin sebanyak 2452 diikuti tempat kedua dan ketiga dimenangi pasukan Veteran MBSA B dengan jatuhan pin sebanyak 2374 dan pasukan JKNS dengan jatuhan pin sebanyak 2189.

Pemenang bagi kategori jatuhan pin terbanyak individu lelaki pula dimenangi Encik Ali bin Ahmad dari pasukan Veteran MBSA B dengan 725 jatuhan pin manakala kategori wanita pula dimenangi oleh Puan Siti Aishatun binti Hussin dari pasukan MBPJ A dengan 586 jatuhan pin.



Kejohanan ini merupakan salah satu platform untuk meraikan kolaborasi serta mengukuhkan jaringan kerjasama yang lebih erat antara Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan agensi kerajaan dan swasta di Negeri Selangor.

Penganjuran ini juga merupakan tanda penghargaan kepada semua pihak yang telah banyak membantu dan memberikan sokongan kepada MBPJ dalam setiap perancangan dan pembangunan bandaraya ini.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

Ruj. Kami: **MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (43)**

Tarikh: **9 Julai 2024**

BIL :

MBPJ LOKASI KETIGA PROGRAM SIRI JELAJAH PROMOSI DAN PENYERAHAN TIKET *THE SULTAN OF SELANGOR'S CUP* (TSSC)

Siri jelajah promosi perlawanan Piala Sultan Selangor (TSSC) melibatkan aksi pertarungan pasukan Selangor dan Singapura diteruskan di Dewan Banquet Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini.

MBPJ menjadi lokasi siri jelajah promosi ketiga selepas Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 24 Jun, diikuti Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) pada 1 Julai yang lalu.

Kejohanan bola sepak merebut piala berprestij, Piala Sultan Selangor kembali menemui peminatnya selepas sekian lama ditangguhkan. Kejohanan Piala Sultan Selangor ini akan berlangsung pada 17 Ogos 2024 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Program siri jelajah promosi yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri Abd. Karim bin Munisar, Pengerusi dan Pengurus Pasukan TSSC menyerahkan tiket perlawanan dan t-shirt kejohanan kepada YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Lebih istimewa, MBPJ turut menjemput barisan pemain veteran Selangor seperti Datuk Santokh Singh, Dato' Dollah Salleh, Dato' Zainal Abidin bin Hassan, Reduan Abdullah dan Asmawi Bakiri.

Selain itu, kehadiran pemain Selangor FC seperti Reziq Bani Hani, Noor Al-Rawabdeh, Sharul Nazeem bin Zulpakar, Mukhairi Ajmal bin Mahadi dan Nidzam bin Jamil, Ketua Jurulatih Gergasi Merah di Program Siri Jelajah Promosi dan Penyerahan Tiket TSSC 2024 pastinya akan menyemarakkan lagi semangat di kalangan peminat sukan bola sepak.

Promosi ini akan diteruskan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada 15 Julai dan Majlis Perbandaran Selayang pada 22 Julai. Siri jejalah khas juga akan diadakan di syarikat penaja cabutan bertuah, Tanjung Balai Group (Honda 4S Centre) Seri Kembangan pada 13 Julai.

Orang ramai boleh mendapatkan tiket berharga RM 10 dan RM 20 serta jersi di Restoran Uncle K (SACC Mall, Shah Alam) dan Hotel Concorde Shah Alam dan Kuala Lumpur.

Pilihan Selangor pernah meraih gelaran sebanyak sembilan kali iaitu pada 2001, 2003, 2005, 2008, 2012, 2013, 2014, 2018 dan 2019. Sementara Pilihan Singapura pula pernah bergelar juara tujuh kali iaitu pada 2006, 2007, 2009, 2010, 2011, 2016 dan 2017.

Kedua-dua pasukan turut berkongsi kejuaraan pada 2015 memandangkan perlawanan terpaksa dibatalkan susulan jerebu. Kali terakhir TSSC dianjurkan adalah pada 2019 dengan Pilihan Selangor kekal merangkul juara Piala Sultan Selangor apabila menundukkan Pilihan Singapura 1-0.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (44)

Tarikh: 9 Julai 2024

MBPJ, YUEQING MUNICIPAL PEOPLE'S GOVERNMENT METRAI MOU PERKUKUH KERJSAMA MALAYSIA-CHINA

YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya dan Tuan Chen Xiangdong, Pengerusi Yueqing Municipal Committee of the CPPCC Yueqing Municipal People's Government Zhejiang Province, China menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang bertujuan untuk memperluaskan kerjasama antara kedua-dua pihak.

Inisiatif ini merupakan hasil usaha di antara kedua-dua pihak untuk mengukuhkan hubungan dalam bidang **Renewable Energy** melalui pelaksanaan projek perintis "**Photovoltaic Building Integration & New Energy Photovoltaic Industry Exhibition Center, Scenic Spot Light and Shadow Lighting Project dan Solar Light Pole Project**".

Upacara menandatangani MoU bersama The Yueqing Municipal People's Government of the People's Republic of China berlangsung hari ini dalam lawatan delegasi Yueqing Municipal People's Government merupakan satu persetujuan secara dasar di peringkat MBPJ untuk meneruskan kerjasama dan membentuk satu pasukan khas (task force) yang akan ditubuhkan dengan keahlian kedua-dua pihak bagi mengkaji kebolehlaksanaan projek-projek yang telah dicadangkan, implikasi kewangan dan bidang teknologi yang akan terlibat serta membincangkan dengan lebih terperinci struktur dan mekanisme pelaksanaan projek yang akan dipersetujui secara bersama.

Terdahulu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima kunjungan Tuan Ye Xufeng, Timbalan Datuk Bandar Yueqing Municipal People's Government, China beserta delegasi yang terdiri daripada pegawai pengurusan tertinggi The Yueqing Municipal People's Government dan usahawan-usahawan dari Bandaraya Yueqing, China pada 24 Mac 2023.

Dalam kunjungan tersebut, Timbalan Datuk Bandar Yueqing telah memaklumkan bahawa Bandaraya Yueqing berhasrat untuk menjalinkan kerjasama dengan MBPJ berdasarkan Surat Hasrat (Letter of Intent) yang telah ditandatangani dalam bidang pelaburan, sains dan teknologi serta ekonomi dan perdagangan.

Lanjutan daripada kunjungan tersebut, The Yueqing Municipal People's Government of the People's Republic of China telah mengundang 5 orang pegawai MBPJ ke Festival *The 23rd China Electrical Equipment Cultural Festival & Yadangshan Digital Economy Summit* yang telah diadakan pada 7 hingga 9 November 2023 diketuai oleh YB Tuan Lee Chean Chung.



MBPJ telah memulakan persetujuan bagi jalinan kerjasama dua hala bersama pihak The Yueqing Municipal People's Government of the People's Republic of China melalui Surat Hasrat (LoI) dan lawatan teknikal ke bandaraya tersebut pada tahun 2023. Kerjasama yang telah terjalin ini diteruskan dan diperkukuhkan melalui satu MoU yang dimeterai bersama kedua-dua pihak bagi membolehkan cadangan projek dalam bidang-bidang yang telah dikenalpasti dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kerjasama dua hala bersama ini akan diterjemahkan melalui *Proof of Concept* yang akan melibatkan pelaksanaan beberapa projek perintis yang telah dikenalpasti iaitu di Ibu pejabat dan Dewan Sivik MBPJ, kawasan sekitar Seksyen 52 dan lain-lain lokasi bersesuaian.

MBPJ merasa sangat bertuah kerana telah terpilih menjadi bandar perintis di Selangor yang akan menerima manfaat pelaburan dari pihak The Yueqing Municipal People's Government of the People's Republic of China yang bernilai USD 10 juta.

Dijangkakan MoU ini akan merencanakan pelbagai aktiviti yang memberi impak positif kepada kedua-dua pihak, seterusnya menyumbang kepada pembangunan mampan dan kelestarian alam sekitar.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (45)

Tarikh: 14 Julai 2024

BIL :

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA JULUNG KALI ANJUR PJ BERGASING 2024

Perkembangan teknologi yang semakin canggih dengan kewujudan permainan video serta internet tidak dinafikan sedikit sebanyak menyebabkan permainan tradisional yang suatu masa dulu dekat di hati masyarakat kini semakin dilupakan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengambil inisiatif dengan berkolaborasi bersama Persatuan Gasing Malaysia (PEGAMA) sebagai rakan teknikal dan rakan strategik bagi menjayakan program PJ Bergasing 2024 yang telah berlangsung dari 11 hingga 14 Julai di Kompleks Sukan Kelana Jaya, Petaling Jaya.

Program yang julung kalinya diadakan ini telah berjaya menarik penyertaan hampir 200 orang dari 13 buah negeri. Singapura turut bertanding untuk merebut gelaran juara edisi sulung..

Sebanyak 3 kategori dipertandingkan iaitu kategori Gasing Malaysia, kategori Gasing Warisan dan kategori Komuniti Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) PJ. Pasukan dari Negeri Melaka telah dinobatkan sebagai johan bagi kategori Gasing Malaysia. Juara membawa pulang wang tunai RM4,000 beserta hamper.

Manakala johan bagi kategori Gasing Warisan dan Gasing Komuniti MPP PJ telah dimenangi oleh Pasukan Shah Alam dan Pasukan Zon 22. Juara masing-masing membawa pulang wang tunai RM2,000 dan RM1,000 beserta hamper.

Objektif penganjuran program PJ Bergasing 2024 adalah sebagai platform dan kaedah mempopuler serta mendedahkan seni permainan gasing tradisional kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

Selain itu, pelaksanaan program seumpama ini juga dapat mempromosikan Petaling Jaya sebagai satu lokasi pelancongan warisan yang mampu menarik minat pengunjung luar untuk datang dan mengenali Petaling Jaya dengan lebih dekat. Ianya selari dengan hasrat MBPJ untuk menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah Kota Seni.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)

Pelbagai aktiviti menarik yang berkonsepkan kebudayaan, kesenian dan nyanyian telah diadakan seperti Pertandingan Mewarna, Sukan Rakyat (Tuju selipar, tuju tin, lompat getah dan mencari puspawangi), Konsert Rock Solo (Flowers band dan Keena Mentor), Konsert Rock Legend (Azan Scan, Wom UG14 dan Shafie Rio) dan Kugiran Minggu Ini oleh Plus minus band.

PJ Bergasing 2024 dimeriahkan lagi dengan penglibatan Pasar Saloma sebagai salah satu aktiviti pengisian program. Pasar Saloma yang bertemakan 'Perkampungan Melayu Klasik' pastinya menggamit nostalgia klasik 60-an dan mengembalikan kegemilangan zaman dahulu. Pengunjung boleh mendapatkan pelbagai jenis makanan 'jarang jumpa' seperti kuih dangai, kuih peneram, punten dan lempeng kelapa atau pek nga.

Diharapkan dengan penganjuran program seumpama ini dapat memartabatkan semula permainan tradisional dan sukan rakyat sekali gus mengumpulkan penglibatan pelbagai peringkat dalam usaha mengekalkan seni dan warisan budaya negara agar tidak pupus ditelan zaman.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (46)

Tarikh: 25 Julai 2024

BIL CUKAI SEMASA PENGGAL 2/2024 (JULAI – DISEMBER 2024) DAN KEMPEN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memproses dan mengemas kini bil cukai taksiran bagi penggal kedua (Julai 2024-Disember 2024) melibatkan sebanyak 280,785 pemegang harta dengan cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM287,879,067.45

Setiap pemilik harta boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil cukai taksiran mereka melalui pautan <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesimalinanbil> dan membuat bayaran secara atas talian di laman (ePay@MBPJ), <https://epay.mbpj.gov.my/>. MBPJ turut menyediakan beberapa kaedah pembayaran lain seperti bayaran secara tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad debit/kad kredit.

Majlis turut mengadakan Kempen Bayaran Cukai Taksiran di Zon 6 (SS23 – SS26) pada 3-4 Ogos 2024 (Sabtu-Ahad). Sepanjang tempoh 2 hari kempen ini diadakan, Majlis menawarkan khidmat nasihat serta rundingan mengenai kaedah pembayaran tunggakan cukai taksiran. Selain itu, orang awam juga boleh menyemak bil cukai taksiran dan membuat pertukaran nama serta alamat surat-menyurat di kaunter yang disediakan.

Bersempena penganjuran Kempen Bayaran Cukai Taksiran, kaunter bayaran di Jalan SS25/4 berhadapan Balai Raya TAMERA SS25 akan dibuka mulai jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Mengikut rekod, jumlah cukai semasa dan tunggakan bagi Zon 6 yang meliputi kawasan SS23, SS24 dan SS26 adalah berjumlah sebanyak RM2,070,807.21 melibatkan 4,285 pegangan.

Sepanjang bulan Ogos 2024, Majlis akan menyediakan kaunter bergerak EZPay seperti berikut:-

BIL	HARI	TARIKH	MASA	LOKASI	NOTA
1	SABTU / AHAD (KEMPEN)	3-4 OGOS 2024	9.00 PAGI – 2.00 PETANG	JALAN SS 25/4	Berhadapan Balai Raya Tamera SS25
2	SABTU / AHAD	10-11 OGOS 2024	10.00 PAGI – 2.00 PETANG	JALAN DAGANG SD 2/1G	Berhadapan kedai tayar STH Auto Services Centre



3	SABTU / AHAD	17-18 OGOS 2024	10.00 PAGI – 2.00 PETANG	JALAN PJU 10/3A	Berhadapan McDonald's Damansara Damai
4	SABTU / AHAD	24-25 OGOS 2024		JALAN PJS 8/2	Berhadapan McDonald's Sunway Mentari
5	SABTU / AHAD	31 OGOS – 1 SEPT 2024		JALAN CEMPAKA SD 12/1	Berhadapan McDonald's Bandar Sri Damansara

Maklumat lanjut boleh layari laman sesawang MBPJ www.mbpj.gov.my atau hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/108/109.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (47)

Tarikh: 29 Julai 2024

PELANCARAN RASMI ACARA *PJ HALF MARATHON* 2024

Acara larian terulung di Petaling Jaya, *PJ Half Marathon* kembali lagi untuk edisi yang ke-34. Sebanyak lima (5) kategori akan dipertandingkan pada kali ini iaitu larian 30 kilometer (km) Terbuka, 21km Terbuka, 10km Terbuka, 5km *Fun Run* serta 1km *Fun Run* bertemakan *Anime* yang juga acara baru diperkenalkan pada tahun ini.

Seramai 8,000 orang peserta telah mengesahkan penyertaan dalam edisi tahun ini. Penyertaan peserta luar negara menyaksikan peningkatan yang ketara di mana lebih 250 peserta dari 38 buah negara luar telah mendaftar sekaligus membuktikan bahawa prestij acara *PJ Half Marathon* 2024 semakin meningkat serta mampu menarik lebih ramai pelari antarabangsa. Edisi kali ini juga menyaksikan pendaftaran penyertaan ditutup lebih awal dari yang disasarkan atas sambutan hangat.

Pihak Polis Daerah Petaling Jaya akan membuat kawalan trafik secara berperingkat bermula jam 4 pagi di jalan-jalan yang terlibat. Seramai 100 orang polis trafik serta 80 orang pegawai penguatkuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan ditugaskan untuk mengawal lalu lintas bagi menjamin kelancaran serta keselamatan *PJ Half Marathon* untuk semua sama ada peserta mahupun orang awam. Penganjur menyarankan kepada semua peserta untuk meletakkan kenderaan di kawasan petak parkir berhampiran PJ State serta tidak meletakkannya di bahu-bahu jalan agar tidak mengganggu lalu lintas pada hari acara berlangsung.

PJ Half Marathon dianjurkan oleh MBPJ dan Puncak Ventures SRA Sdn. Bhd. dengan kerjasama Persatuan Olahraga Para Selangor (POPS). Untuk edisi kali ini, bilangan penaja barangan juga turut bertambah. Organisasi swasta yang turut serta dalam menaja acara ini ialah; minuman isotonik 100Plus serta air mineral Ice Mountain daripada F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd., set penjagaan lelaki maskulin berjenama Kahf, pakaian jenama Vrtic, jenama sukan terkenal Brooks, jam sukan terkenal antarabangsa Suunto, pusat beli belah Jaya Shopping Centre, Petaling Jaya, sumber nutrisi tambahan dari N8, serta tajaan *team pacer* daripada Pacemakers Malaysia. Tidak dilupakan beberapa penajaan lain daripada RHB Trustees Bhd sebagai *Trustee* untuk Axis Real Estate Investment Trust, S&P Industries Sdn. Bhd. dan juga Embun Elit Sdn. Bhd.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

